

# PIAGAM PELANGGAN UNTUK PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA (PKS) PINJAMAN KEPADA PKS

## KELAYAKAN

- Perniagaan yang telah berdaftar dengan mencapai perolehan tidak lebih daripada RM50 juta ATAU mempunyai pekerja tetap tidak lebih daripada 200 untuk sektor Pembuatan.
- Perniagaan yang telah berdaftar dengan mencapai perolehan tidak lebih daripada RM20 juta ATAU mempunyai pekerja tetap tidak lebih daripada 75 untuk sektor Perkhidmatan dan sektor-sektor lain.
- Syarikat / institusi milik warganegara Malaysia (dengan sekurang-kurangnya 51% milik warganegara Malaysia) yang telah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, warganegara yang menetap di Malaysia dan usahawan yang telah berdaftar di bawah Pendaftar Perniagaan.
- Rekod prestasi kewangan yang memuaskan sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Hubungan dengan institusi kewangan lain yang memuaskan (jika ada).

## TUJUAN PINJAMAN

- Pinjaman digunakan untuk tujuan yang produktif untuk perniagaan, seperti:
- Modal kerja;
- Pengembangan kapasiti yang sedia ada;
- Pembelian harta / mesin.

## JENIS PINJAMAN

- Pinjaman Tetap.
- Overdraf.
- Perkhidmatan Perdagangan seperti Surat Kredit, Resit Amanah, Penerimaan Jurubank, Pembiayaan Semula Kredit Eksport, Pembiayaan Invois, Jaminan Bank dan Kontrak Pertukaran Wang Asing.
- Pinjaman yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia dalam pelbagai skim juga disediakan tertakluk kepada kelayakan dan terma-terma dan syarat-syarat masing-masing.
- Pelbagai kemudahan pembiayaan di bawah Perbankan Islam.

## PENYATA AKAUN

- Overdraf – Penyata akaun semasa akan disediakan setiap bulan.
- Pinjaman Tetap – Penyata akan disediakan setiap setengah tahun.
- Pembiayaan Perdagangan – Penyata akan disediakan di atas permintaan.

\*Keputusan untuk sebarang rayuan akan dimaklumkan dalam bentuk bertulis dalam masa 2 minggu daripada tarikh rayuan diterima.

## SALURAN RAYUAN

Sebarang rayuan ke atas permohonan yang gagal boleh diserahkan dalam bentuk bertulis kepada:

### KETUA, PERBANKAN KOMERSIAL & PKS

HONG LEONG BANK BERHAD

TINGKAT 5, WISMA HONG LEONG, 18 JALAN PERAK, 50450 KUALA LUMPUR

Talian Bebas 1-800-188-133 atau layari [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

### a) Dari Peminjam

- Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang A / B yang berkaitan, Borang 24 & 49 dan M&A).
- Akaun Perniagaan yang telah diaudit untuk tempoh 3 tahun terakhir dan akaun pengurusan yang terkini.
- Penyata-penyata akaun bank bagi tempoh 6 bulan terakhir.
- Profil syarikat dan kakitangan pengurusan.
- Senarai bank yang sedia ada (jika ada), butir-butir kemudahan kredit dan pengaturan cagaran yang telah dipersetujui.
- Senarai pembekal / pembeli utama dan senarai pemiutang / penghutang mengikut pengusiaan.
- Unjuran aliran tunai (jika perlu).
- Maklumat cagaran yang ditawarkan. Untuk hartanah, perlu sertakan laporan penilaian, salinan hak milik tanah dan perjanjian jual beli (yang mana berkenaan).

### b) Dari Pengarah / Penjamin

- Salinan Kad Pengenalan atau Pasport Pengarah / Penjamin.
- Borang Cukai Pendapatan (Borang J) untuk 3 tahun terakhir.
- Sebarang dokumen lain yang membuktikan pendapatan.
- Maklumat aset dan liabiliti persendirian.

### c) Jika Penjamin adalah Entiti Korporat

- Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang 24 & 49 dan M&A yang berkaitan).
- Akaun Perniagaan yang telah diaudit untuk tempoh 3 tahun terakhir dan akaun pengurusan yang terkini.
- Profil syarikat dan kakitangan pengurusan.
- Senarai bank yang sedia ada (jika ada), butir-butir kemudahan kredit dan pengaturan cagaran yang telah dipersetujui.

## TEMPOH UNTUK PERMOHONAN PINJAMAN

Keputusan bank akan dimaklumkan kepada pemohon-pemohon dalam bentuk bertulis tidak melebihi 1 bulan daripada penyerahan set lengkap dokumen-dokumen yang dinyatakan.